

Kesatuan Melayu Perlu Dipertahankan Dalam Perjuangan UMNO

RANCANGAN Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) menjadi teras kepada pembangunan masa depan negara yang perlu diberikan perhatian serius oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Malah, dalam penyusunan semula kabinetnya pertengahan bulan lalu, beliau berkali-kali memintajemaah menteri supaya memberi penekanan kepada kejayaan rancangan tersebut.

Oleh sebab itu, ramai beranggapan bahawa kabinet baru Abdullah adalah satu gandingan mantap sebagai sebuah pasukan tersusun untuk mengukuhkan lagi pelan pembangunan negara berasaskan kepada matlamat Wawasan 2020 yang berlandaskan penekanan konsep Islam Hadhari. Abdullah selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO sudah tentu berpandangan jauh apabila membentukkan sebuah pasukan baru dalam kabinetnya.

Di samping keupayaan Abdullah memberi penekanan kepada pelaksanaan RMK-9, banyak pihak tetap mengharapkan anggota kabinet yang ada sekarang memberi perhatian dan menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri, malah di kalangan pemimpin UMNO juga perlu mempunyai sikap, keupayaan dan komitmen yang tinggi dalam agenda memperjuangkan nasib bangsa, iaitu bangsa Melayu yang masih lagi menjadi suara majoriti dalam pembentukan kerajaan yang ada pada hari ini.

Oleh itu, kerajaan yang sedang dipimpin oleh Abdullah hari ini disarankan untuk turut memberi perhatian serius terhadap permasalahan yang sedang dihadapi golongan usahawan Melayu bandar, khususnya di bandar-bandar besar yang sedang berdepan dengan kemelut dan persaingan hebat dengan golongan bukan Melayu, berhubung soal seperti pemilikan hartanah dan peluang-peluang perniagaan di gedung-gedung besar, yang sedang dirancang di bina sebagai bangunan pencakar langit.

Isu betapa susah dan tertekannya usahawan Melayu di bandar yang terpaksa berdepan dengan golongan bukan Melayu bukan lagi isu lapuk, tetapi malangnya pihak kerajaan seolah-olah seperti tidak melakukan sesuatu untuk membantu. Ini dapat dilihat bagaimana peranan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) ditubuhkan oleh kerajaan seperti tidak berfungsi, malah didakwa tidak memberi sebarang keuntungan kepada usahawan Melayu bandar.

Dalam mengambil contoh pembangunan pesat di Kuala Lumpur, kita tentunya amat berbangga dan berasa seronok melihat bagaimana sesuatu kawasan secara mendadak menjadi bandar baru dan dipenuhi dengan bangunan pencakar langit dan gedung perniagaan besar. Bagaimanapun, perkara yang menjadi tanda tanya ialah, berapa banyakkah yang dimiliki oleh usahawan Melayu atau golongan Bumiputra? Jika soal kurang mampu dijadikan alasan untuk menyingkirkan peluang mereka, ternyata anggapan sedemikian meleset.

Hari ini, kita dapati usahawan Melayu dan golongan Bumiputra yang mampu dan setanding dengan bangsa bukan Melayu, tetapi kenapa peluang mereka untuk bersaing atau menyewa premis-premis perniagaan yang besar seolah-olah disekat dengan pelbagai alasan dan peraturan. Pernah ada usahawan Melayu yang mendakwa hasratnya untuk menyewa ruang niaga di dalam sebuah bangunan besar di Ibu Kota yang masih lagi dalam proses pembinaan, dihalang dan disekat dengan pelbagai alasan yang kurang munasabah.

Inilah gejala negatif yang boleh membantut keupayaan usahawan Melayu dan membunuh golongan Bumiputra yang ingin mencebur diri dalam perniagaan. Itu adalah sekadar contoh yang berlaku, malah ada juga usahawan Melayu yang mampu mendirikan bangunan, akhirnya terpaksa berdepan dengan pelbagai kesukaran yang akhirnya boleh meruntuhkan empayar perniagaan. Contohnya kita dapat lihat betapa indah tersergamnya bangu-

nan Marinara yang terletak di Jalan Gurney, yang sehingga sekarang masih lagi tidak digunakan. Di sini, kerajaan perlu peka dan campur tangan untuk memberi bantuan dan sokongan.

Di samping itu, kerajaan juga perlu melakukan tindakan drastik dalam penyusunan semula struktur ekonomi negara dalam RMK-9 dengan memecahkan sikap monopoli peniaga bukan Melayu terhadap sesuatu bidang perniagaan. Contohnya dalam industri perniagaan gula, sejak berpuluh tahun, ianya tetap dimonopoli oleh orang yang sama, sedangkan banyak peniaga Melayu yang berdaya maju dan mampu berjaya sekiranya diberi peluang.

Kita teringat-sedikit masa dulu bagaimana hebohnya isu pengeluaran Permit Import Kereta (AP) yang hangat diperdebatkan di Perhimpunan Agung UMNO nan Parlimen.

Mengapa isu AP yang diberi perhatian?

Sedangkan isu monopoli perniagaan gula sudah berabad dikuasai oleh pihak bukan Melayu, mengapa pemimpin UMNO yang ada tidak berani bersuara.

Selain isu monopoli dalam bidang perniagaan, permasalahan yang dihadapi oleh orang Melayu berhubung dengan sikap dan nilai juga perlu diberikan perhatian khususnya oleh kerajaan, yang mana Abdullah sendiri pernah menggariskan untuk menjana pembangunan insan sempurna dalam tumpuan pembangunan negara. Pembangunan insan inilah yang perlu diberikan penekanan oleh semua pihak termasuk pemimpin UMNO kerana masalah jati diri dan sikap orang Melayu tetap menjadi di masalah walaupun negara pesat membangun.

MENGAMBIL KESEMPATAN

Sikap orang Melayu yang masih mengguna pakai amalan atau budaya 'Tak Apa' perlu dikikiskan kerana amalan itulah yang menjadikan mereka bangsa yang tidak mempunyai kekuatan dan jati diri yang kental untuk berdepan dengan pelbagai masalah dan persaingan. Sikap sedemikian jugalah yang menyebabkan ada pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk menghancurkan kesatuan dan perpaduan di kalangan bangsa Melayu.

Cubaan untuk menghancurkan kesatuan atau pakatan Melayu bukan sahaja berlaku di dalam bidang politik, malah turut berlaku di dalam sektor ekonomi, contohnya apa yang diperkatakan sebelum ini. Orang Melayu memang terkenal dengan adab sopan dan budayanya, tetapi kadangkala kerana sikap 'Tak Apa' yang keterlaluan, pihak lain cuba mengambil kesempatan untuk melemahkan kesatuan dan perpaduan Melayu.

Orang Melayu juga (segelintir) ada yang bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak mempunyai niat atau perasaan untuk membantu bangsa mereka sendiri. Inilah hakikat yang tidak dapat dinafikan dan dapat disaksikan di dalam bidang ekonomi, di mana sikap mementingkan diri dan tidak suka untuk membantu bangsa sendiri, sikap ini jauh berbeza dengan masyarakat peniaga bukan Melayu yang sentiasa berusaha untuk mengekalkan kesatuan di kalangan mereka.

Dalam hal ini, UMNO sebagai sebuah parti yang memerintah yang dikuasai oleh orang Melayu perlu menjadi satu faktor pendesak kepada kerajaan untuk tidak mengecilkan kepentingan bangsa Melayu dalam apa jua bidang dan permasalahan. UMNO yang menjadi tulang belakang kerajaan perlu mempunyai barisan kepimpinan yang berkualiti, berjiwa besar untuk mendaulatkan bangsa Melayu dan ikhlas memperkasakan perjuangan. Inilah juga yang sentiasa di berikan ingatan oleh Abdul-



Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi



Tun Dr. Mahathir Mohamad

lah.

Jika semua pemimpin UMNO baik yang berada di kabinet mahupun tidak atau penggerak UMNO di kalangan pemuda, putera dan puteri perlu mempunyai azam dan niat yang telus untuk memajukan bangsanya sendiri. Mereka perlu berada di depan untuk menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi oleh orang Melayu seperti golongan usahawan dan peniaga tempatan. Mereka perlu berani untuk menentang mana-mana pihak yang cuba menjajah sikap dan mentaliti bangsa Melayu. Golongan muda dalam UMNO perlu menjadi pahlawan yang sanggup menghadapi apa sahaja kemungkinan dalam usaha memartabatkan maruah bangsa.

Kita yakin jika semua pihak mempunyai pandangan yang sama dengan Perdana Menteri yang ikhlas untuk memperjuangkan nasib masa depan bangsanya, sudah tentu bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang bermaruah dan mempunyai harga diri. Sikap timbal balik pejuang UMNO dengan kerajaan juga perlu ada dalam melaksanakan agenda untuk rakyat, agar kesatuan Melayu yang dipupuk selama ini tidak akan pecah dan menjadi kutukan pihak tertentu.

Kesimpulannya bahawa perancangan yang ditekan kan oleh Abdullah dalam pelaksanaan RMK-9 ternyata menjadi acuan penting kepada masa depan bangsa Melayu menjelang tahun 2020, bagi memastikan Melayu tidak hilang semangat dan hak ditanahairnya sendiri.

Pemimpin UMNO juga perlu menjana satu sikap yang terbaik agar dicontohi rakyat dan keikhlasan mereka dalam perjuangan dengan matlamat untuk mengekalkan perpaduan dan kesatuan Melayu. Tidak ada gunanya mereka bercakap mengenai cara dan bagaimana untuk mengukuhkan benteng ketahanan Melayu jika mereka sendiri sekadar menjadikan UMNO sebagai alat untuk kepentingan diri dan peribadi.

Kita berharap keluhan dan rungutan orang Melayu seperti di bandar-bandar besar perlu diberikan perhatian secara mutlak dan tindakan drastik, bukannya hanya berseminar dan merumuskan kertas kerja, sedangkan orang Melayu sekadar hanyut dibawa arus pembangunan negara.

Bagaimanapun, kita percaya dan yakin bahawa Abdullah selaku Perdana Menteri yang dilihat cukup selesa dengan barisan kabinet barunya, akan melakukan sesuatu yang terbaik untuk masa depan Melayu dan kerana itulah, beliau selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO awal-awal lagi sudah memberi ingatan kepada jemaah menterinya supaya berundur jika tidak mampu bekerja.

Inilah ingatan dan iktibar yang perlu dihayati oleh pemimpin dan pendokong UMNO kerana Abdullah sudah melakukan sesuatu yang terbaik untuk hari ini, selepas persaraan Tun Dr. Mahathir Mohamad.



Oleh:
Hajj Rizal Shah Idris